

Bantah bina jirat Cina

Penduduk kesal projek akan dibangunkan di kawasan majoriti Melayu



KAMPUNG FELDA BUKIT CHERAKAH - Lebih 300 penduduk di lima kampung membantah cadangan mewujudkan perkuburan bukan Islam di kawasan berbukit berhampiran penempatan majoriti Melayu itu.

Bukan sahaja penduduk Kampung Felda Bukit Chera, penduduk Kampung Bukit Kapar Tambahan, Kapar; Kampung Bukit Hijau dan Bandar Puncak Alam turut tampil seawal jam 9 pagi untuk menyatakan bantahan terhadap projek itu.

Lebih dikesalkan, kerja awal-an tanah untuk pembinaan jalan giat dijalankan di kawasan terbabit sehingga menimbulkan pelbagai persoalan penduduk kerana kekhutisan diberikan di tapak yang terletak di tengah kampung.

Wakil penduduk, Melan Ismail, 49, berkata, rata-rata penduduk membantah cadangan mewujudkan perkuburan bukan Islam di kawasan itu berikutan lokasi tidak sesuai dan

berhampiran rumah penduduk.

"Kami juga dapatkan sebanyak mungkin tanda tangan penduduk sebagai tanda bantahan terhadap projek ini kerana majoriti kawasan ini adalah 100 peratus Melayu.

"Kami tak tolak pembangunan tapi jika projek jirat ini dilaksanakan, penduduk akan bantah sekeras-kerasnya dan minta pindah tempat lain," katanya.

Melan mendakwa, kawasan ini juga berisiko sering dilanda banjir setiap kali hujan lebat berikutan sistem perparitan tidak sempurna dan tidak mustahil masalah menjadi lebih teruk jika projek itu diteruskan.

"Penduduk mahu kerajaan negeri ambil perhatian perkara ini dan fahami sensitiviti penduduk Islam di lima kampung. Lagipun penduduk sekarang ini dah lebih 30,000 orang.

"Kerajaan negeri ada kuasa untuk halang projek ini dan sepatutnya jika benar jaga kebajikan rakyat, sewajarnya projek perkuburan bukan

Islam ini dihentikan," katanya.

Jejas harga rumah

Wakil penduduk yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Zon 07 (JPP) Puncak Alam, Mohd Razib Mohd Talib, 45, menegaskan, projek jirat Cina ini boleh menjejaskan harga rumah penduduk.

"Lagipun Puncak Alam bakal dibangunkan dengan pelbagai projek termasuk Hospital UTM dan pelbagai projek komersial nanti, tapi bayangkan kalau wujud perkuburan di kawasan bukit ini?

"Lagipun tak sesuai dibina di sini sebab sini semua orang Melayu. Lainlah kalau dibina di kawasan tempat majoriti Cina, kami tak bantah. Lagipun penduduk yang berdepan banyak masalah jika projek ini diteruskan," katanya.

Penduduk dari Kapar, Norman Toha, 50, berkata, pelaksanaan projek perkuburan itu hanyalah sebagai persaingan pemiagaan syarikat tertentu.

"Saya berpendapat, demi mengejar keuntungan mereka bukanlah kisahkan penduduk setempat dan memang tak patut ada sebuah lagi kawasan perkuburan bukan Islam di sini.

"Sebab dah ada dua tapak perkuburan bersaiz besar tidak sampai 20 minit dari sini iaitu di Meru dan Setia Alam...bantahan penduduk ada asasnya sebab tak perlu ada sebuah lagi tapak perkuburan bukan Islam di kawasan Melayu.

"Lagipun dibina di tengah-tengah kawasan penempatan penduduk...cukup tak relevan," katanya.

Tanah milik persendirian

SEMENTARA itu, Pemangku Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Mohamad Yusli Askandar menjelaskan, kawasan terbabit sudah dizonkan untuk kegunaan tapak perkuburan bersepadu.

"Merujuk kepada Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor (RTMDKS) 2025, kawasan tersebut (PN 77576 Lot 9987 dan PN 30243 Lot 9942, Mukim Jeram, Kuala Selangor) dizonkan untuk tujuan itu.

"Tapak perkuburan itu bagi memenuhi keperluan penduduk di kawasan utara Selangor dan

diingat bahawa tanah tersebut adalah tanah milik persendirian.

"Cadangan pemohon untuk membangunkan kawasan tanah tersebut sebagai Tapak Perkuburan Bersepadu adalah selaras dengan zon guna tanah yang ditetapkan di dalam RTMDKS 2025 yang diwartakan pada 28 April 2015.

"Proses pewartan RTMDKS 2025 juga melalui peringkat publisiti dan bantahan awam selama dua bulan mulai 1 November 2013 hingga 2 Januari 2014," katanya.



Melan (kiri) bersama Mohd Razib menunjukkan surat kekhutisan kerajaan negeri terhadap projek itu.

REAKSI



Tak sepatutnya ada sebuah lagi tapak perkuburan bersaiz besar di kawasan ini yang majoritinya orang Melayu...lagipun sudah ada tapak yang saiz besar yang tak jauh dari sini. Kena jaga sensitiviti penduduk." - Penduduk Puncak Alam, Md Azmi Md Rosli, 60

Penduduk akan bantah habis-habisan sebab laluan masuk projek adalah kampung kami dan harap kerajaan negeri 'buka mata' dan halang projek ini dari diteruskan." - Penduduk Kampung Felda Bukit Chera, Nurbaity Mohd Nasir, 34

